

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Junjung prinsip Rukun Negara

Keputusan Mahkamah Majistret Balik Pulau yang menjatuhkan hukuman penjara 30 hari dan denda RM8,000 ke atas Leong Pei Koe, 29, kerana menunjukkan isyarat lucah ke arah konvoi Raja Permaisuri Agong dan anggota polis baru-baru ini wajar dijadikan iktibar seluruh rakyat Malaysia.

Keputusan itu dibuat oleh Majistret Muhamad Hidayat Wahab selepas tertuduh dari Selangor, mengaku bersalah sejourus pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikuti kertas pertuduhan, Leong mendatangkan kegusaran orang lain dengan menunjukkan isyarat lucah di tempat awam dengan menggenggam tangan kanan dan jari tengah ditunjukkan ketika kenderaan rasmi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Haminah melalui lokasi itu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Balai Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada 11 Februari lalu, jam 11.50 pagi.

Bagi pertuduhan kedua pula, Leong mendatangkan kegusaran kepada Asisten Superintendan Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid apabila menunjukkan isyarat lucah di tempat awam dengan menggenggam tangan kiri dan tangan kanan menepuk tangan kiri di lokasi dan masa yang sama. Tertuduh dituduh mengikut Seksyen 294 (a), Kanun Keseksaan (Akta 574) yang dihukum mengikut Seksyen 294, akta yang sama.

Kejadian terbabit cukup memeranjatkan semua pihak. Ini kerana semua tertanya-tanya apakah sebab dan tujuan serta motif utama tindakan tertuduh itu.

Prinsip Rukun Negara

Dalam hal ini persoalan utama yang timbul ialah, bukannya sejak di bangku sekolah lagi kita diajar untuk patuh kepada Rukun Negara iaitu rukun kedua dengan jelas menyatakan keperluan kesetiaan kepada raja dan negara.

Di mana rasa hormat kita kepada ketua negara? Justeru timbul persoalan bagaimana seorang individu terpelajar seperti ini boleh melakukan kesalahan seperti itu.

Hakikatnya bukan saja dalam Rukun Negara tetapi dalam Perlembagaan Negara juga jelas mem-

perincikan kedudukan raja dan institusi raja berperlembagaan di Malaysia.

Namun kenapa kerana emosi dan taksud kita sanggup membelakangkan undang-undang negara?

Sebagai warga yang bertanggungjawab, kita sepatutnya sentiasa akur, taat dan mematuhi undang-undang, terutama Perlembagaan Negara yang dibina atas dasar kemufakatan masyarakat majmuk.

Kegagalan kita mematuhi rukun hidup seperti itu boleh mengundang pelbagai masalah dalam masyarakat. Perselisihan faham, prejudis, tuduh-menuduh dan prasangka buruk boleh mengambil tempat dengan mudahnya akibat isu sensitif.

Kalau tidak berhati-hati boleh mencetuskan kemarahan orang lain di samping perbalahan dalam kalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa. Ini tidak mustahil berlaku kerana soal agama, bangsa dan raja serta institusi raja adalah antara perkara penting diambil berat oleh orang Melayu.

Jadi iktibar

Kita seharusnya mencari jalan untuk terus menyuburkan dan mempertahankan keamanan dan kestabilan kita nikmati selama ini. Janganlah kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Apakah kita mahu negara kita kembali bergolak dan berlaku pergaduhan antara kaum. Janganlah kita membuka ruang dan peluang lagi untuk peristiwa buruk berulang kembali di negara kita.

Kita berharap agar insiden itu akan menjadi iktibar dan pengajaran yang cukup penting dan berguna bukan saja kepada Leong tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia agar sentiasa bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang negara.

Jangan lupa, budi bahasa adalah budaya kita. Marilah kita terus ber tekad dan berazam untuk mempertahankan keharmonian kehidupan masyarakat majmuk yang kita banggakan selama ini.

Bersama-samalah kita saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan mematuhi rukun hidup, Rukun Negara serta Perlembagaan Negara.

Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)

FAKTA
Perlembagaan Negara jelas memperincikan kedudukan raja dan institusi raja